

Kedudukan Allah SWT berbanding berhala golongan Kafir: Surah al-Baqarah (2: 163-167)

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2019). "Kedudukan Allah SWT berbanding berhala golongan Kafir: Surah al-Baqarah (2: 163-167)" in *Program Budaya al-Quran*. Siri 31 pada 12hb. September 2019 di Kolej Tun Fatimah, UTM. Program anjuran Pusat Islam, UTM, p. 1-24.

Abstract

Allah SWT Maha Berkuasa bukan sahaja ketika menciptakan semua makhluk, tetapi juga dalam pemerintahan di alam akhirat. Sedangkan berhala sembah golongan kafir pula adalah hasil daripada tangan manusia sendiri bagi menggambarkan tidak ada kaitan langsung antara kekuasaan Allah SWT dengan berhala buatan manusia. Artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 163-167) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lima pengajaran penting yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran ayat, iaitu sifat Allah SWT, Tuhan kepada manusia dan Ism Allah al-A'zam; kekuasaan Allah SWT tergambar melalui ciptaan-Nya; kekuasaan Allah SWT boleh dibuktikan melalui mukjizat para nabi; keadaan penyembah berhala di dunia dan akhirat; dan tiga jenis dosa yang sangat besar di sisi Allah SWT. Kata Kunci: Allah SWT, Maha Agung, Hari Kiamat, Berhala, Penyembah Berhala, Neraka

References

- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud* (Shu'aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali Ed. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad, Muhammad Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. (1998). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar 'Awad Ma'ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. (1999). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. (1998). *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim* (As'ad Muhammad al-Tayyib Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. (1998). *Tafsir al-Quran al-A'zim (Tahqiq: Muhammad al-Husayn Shams al-Din)* (Vol. Juz. 1-4). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah Ed. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 1: Program Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah (1: 1-7)* (Vol. 1). Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.

KEDUDUKAN ALLAH SWT BERBANDING BERHALA GOLONGAN KAFIR: SURAH AL-BAQARAH (2: 163-167)*

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

Abstrak

Allah SWT Maha Berkuasa bukan sahaja ketika menciptakan semua makhluk, tetapi juga dalam pemerintahan di alam akhirat. Sedangkan berhala sembah golongan kafir pula adalah hasil daripada tangan manusia sendiri bagi menggambarkan tidak ada kaitan langsung antara kekuasaan Allah SWT dengan berhala buatan manusia. Artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 163-167) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lima pengajaran penting yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran ayat, iaitu sifat Allah SWT, Tuhan kepada manusia dan Ism Allah al-A'zam; kekuasaan Allah SWT tergambar melalui ciptaan-Nya; kekuasaan Allah SWT boleh dibuktikan melalui mukjizat para nabi; keadaan penyembah berhala di dunia dan akhirat; dan tiga jenis dosa yang sangat besar di sisi Allah SWT.

Kata Kunci: Allah SWT, Maha Agung, Hari Kiamat, Berhala, Penyembah Berhala, Neraka

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالْهَيْكَلِ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٣﴾ إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَإِخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ
السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ
وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِينَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾ وَمَنْ النَّاسِ مَنْ يَتَّخِذُ
مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْدَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ
ظَلَمُوا إِذْ يُرَوْنَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَذَابِ ﴿١٦٥﴾ إِذْ تَبَرَّأَ الَّذِينَ
اتَّبَعُوا مِنَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا وَرَأَوْا الْعَذَابَ وَتَقَطَّعَتْ بِهِمُ الْأَسْبَابُ ﴿١٦٦﴾ وَقَالَ الَّذِينَ
اتَّبَعُوا لَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَتَبَرَّأَ مِنْهُمْ كَمَا تَبَرَّءُوا مِنَّا كَذَلِكَ يُرِيهِمُ اللَّهُ أَعْمَالَهُمْ حَسَرَاتٍ
عَلَيْهِمْ وَمَا هُمْ بِخَارِجِينَ مِنَ النَّارِ ﴿١٦٧﴾

Maksud: Dan Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa; tiada Tuhan (Yang berhak disembah) selain dari Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (163)

*Artikel ini dibincangkan dalam Ceramah Program Budaya al-Quran Mingguan Siri 31 di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 12hb. September 2019 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran. (164) (Walaupun demikian), ada juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah), mereka mencintainya, (memuja dan mentaatinya) sebagaimana mereka mencintai Allah; sedang orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah. Dan kalaulah orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah, dan bahawa sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya, (nescaya mereka tidak melakukan kezaliman itu). (165) (Iaitu) ketika ketua-ketua yang menjadi ikutan itu berlepas diri dari orang yang mengikutnya, sedang kedua-dua pihak melihat betapa ngerinya azab seksa itu, dan (ketika) terputusnya segala hubungan di antara mereka. (166) Dan (pada masa yang mengecewakan itu) berkatalah orang yang menjadi pengikut: Alangkah eloknya kalau kami (dengan itu dapat kami berlepas diri daripada mereka sebagaimana mereka berlepas diri daripada kami (pada saat ini)!" Demikianlah Allah perlihatkan kepada mereka amal mereka (dengan rupa yang mendatangkan) penyesalan yang amat sangat kepada mereka, dan mereka pula tidak akan dapat keluar dari neraka. (167)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 163-167)

PENGENALAN

Selepas Allah SWT kedudukan orang yang disiksa kerana menyembunyi kebenaran dan mati sebagai seorang kafir, Allah SWT menjelaskan kedudukan-Nya yang merupakan Tuhan yang Maha Esa lagi Maha Agung. Allah SWT juga menceritakan beberapa kekuasaan-Nya dalam mentadbir alam, Dia juga menceritakan keadaan orang yang kafir ketika mereka disiksa dalam neraka.

Perbahasan tafsir dibahagikan kepada tiga kelompok ayat al-Quran, iaitu surah al-Baqarah (2: 163), surah al-Baqarah (2: 164), dan surah al-Baqarah (2: 165-167). Pada bahagian akhir perbincangan tafsir akan juga dibincangkan pengajaran yang diambil daripada perbincangan tafsir dan sedikit rumusan. Sebagai ingatan bahawa segala terjemahan ayat al-Quran dalam kertas kerja ini menggunakan terjemahan Abdullah Basmeih (1999), iaitu tafsir al-Quran Pimpinan al-Rahman terbitan Jabatan Perdana Menteri.

TAFSIRAN AYAT

Tiga kelompok perbincangan tafsir yang dibincangkan ialah surah al-Baqarah (2: 163), surah al-Baqarah (2: 164), dan surah al-Baqarah (2: 165-167).

Surah al-Baqarah (2: 163)

Dalam ayat ini, Allah SWT menjelaskan tentang dirinya Yang Maha Esa lagi Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Firman-Nya:

وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٣﴾

Maksud: *Dan Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa; tiada Tuhan (Yang berhak disembah) selain dari Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (163)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 163)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1998: 1/344), melalui ayat ini Allah SWT menceritakan bahawa diri-Nya adalah Tuhan Yang Maha Esa, dan tidak ada sekutu bagi-Nya, tiada yang sama dengan-Nya. Dia adalah Allah Yang Maha Esa yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu, yang tiada Tuhan yang wajib disembah kecuali hanya Dia, dan bahawa Dia adalah Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Tafsir kedua-dua asma ini (*al-Rahman* dan *al-Rahim*) dikemukakan dalam permulaan tafsir surat al-Fatihah (Jasmi, 2018a, 2018b).

Keseluruhan ayat surah al-Baqarah (2: 163) merupakan satu ayat penting yang berkait dengan istilah *Ism Allah al-A'zam* yang dianjurkan untuk dibaca ketika berdoa agar doa mudah dikabulkan oleh Allah SWT. Kenyataan ini berdasarkan apa yang dikemukakan dalam sebuah hadis berikut (Abu Dawud, 2009: 1496; Al-Tirmidhi, 1998: 3478; Ibn Majah, 2009: 3855):

عَنْ أَسْمَاءَ بِنْتِ يَزِيدَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «اسْمُ اللَّهِ الْأَعْظَمُ فِي هَاتَيْنِ الْآيَتَيْنِ
﴿وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ﴾ وَفَاتِحَةِ آلِ عِمْرَانَ ﴿الْمَ اللَّهُ لَا
إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ﴾».

Asma binti Yazid ibnus Sakan, dari Rasulullah SAW., disebutkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda, "Nama Allah Yang Mahaagung terdapat di dalam dua ayat berikut," yakni firman Allah SWT yang bermaksud, "Dan Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa; tidak ada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. (Surah al-Baqarah, 2: 163). Alif Lam Mim. Allah, tidak ada Tuhan melainkan Dia, Yang Hidup Kekal lagi senantiasa berdiri sendiri. (Surah Ali 'Imran, 3: 1-2).

(Abu Dawud, Al-Tirmidhi, dan Ibn Majah)

Justeru, umat Islam sangat digalakkan untuk menggunakan bacaan ini sebagai bacaan yang dibaca ketika selepas solat sebelum berdoa, ketika sebelum tidur bersama dengan bacaan yang dituntut untuk dibaca.

Surah al-Baqarah (2: 164)

Selepas Allah SWT menyebutkan sifat-Nya Yang Maha Esa lagi memiliki sifat Maha Pengasih dan Maha penyayang, Allah SWT menggambarkan pula tentang penciptaan langit dan bumi serta apa yang ada antara keduanya semua makhluk yang diciptakan dan diadakan-Nya. Gambaran ini bagi menunjukkan tentang dirinya yang Maha Esa. Firman-Nya:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي
الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ
مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ
وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾

Maksud: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal yang belayar di laut dengan membawa benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran. (164)

(Surah al-Baqarah, 2: 164)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1998: 1/344), Allah SWT berfirman, “Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi yang boleh dilihat oleh umat manusia sekarang dari segi ketinggiannya, keindahannya, keluasannya, bintangnya yang beredar, yang tetap, serta perputaran secara falaknya; dan bumi ini yang dengan kepadatannya, lembahnya, gunung-gunungnya, lautannya, padang saharanya, hutan belantaranya, dan keramaiannya serta segala sesuatu yang ada padanya berupa berbagai macam manfaat; pergantian malam dan siang hari; datang, lalu pergi, kemudian digantikan dengan yang lainnya secara silih berganti tanpa ada keterlambatan barang sedikit pun. Gambaran ini juga pernah digambarkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ
يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

Maksud: (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing. (40)

(Surah Yasin, 36: 40)

Adakalanya yang ini panjang dan yang itu pendek, dan adakalanya yang ini mengambil sebagian waktu dari yang itu. Demikianlah set-rusnya secara bergantian, seperti yang disebutkan oleh firman Allah SWT:

يُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَيُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ

Maksud: *Allah berkuasa menukar gantikan sesuatu keadaan sebagaimana kuasa-Nya memasukkan malam pada siang dan memasukkan siang pada malam (silih berganti);*

(Surah *al-Hajj*, 22: 61; *Luqman*, 31: 29; *Fatir*, 35: 13; *al-Hadid*, 57: 6)

Dengan kata lain, menambahkan yang ini dari yang itu dan menambahkan yang itu dari yang ini. Kemudian Allah SWT menyambungkan lagi firman-Nya tentang kekuasaan-Nya dalam mengatur kapal di lautan. Firman-Nya:

وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ

Maksud: *Dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 164)

Iaitu Allah menundukkan laut agar dapat membawa berlayar kapal dari satu pelabuhan ke satu pelabuhan yang lain untuk keperluan penghidupan manusia dan dapat dimanfaatkan oleh para penduduk yang berada di kawasan tersebut, sebagai jalur perdagangan untuk mengangkut keperluan dari suatu pantai ke pelabuhan yang lainnya secara timbal balik. Setelah itu Allah SWT menceritakan pula peranan-Nya menurunkan hujan untuk menyuburkan tanah. Firman-Nya:

وَمَا أَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا

Maksud: *Demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 164)

Ayat ini semakna dengan ayat lainnya, iaitu firman Allah SWT:

وَأَيُّهُ لَّهُمُ الْأَرْضُ الْمَيْتَةُ أَحْيَيْنَاهَا وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ ﴿٣٣﴾
 وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ ﴿٣٤﴾ لِيَأْكُلُوا
 مِنْ ثَمَرِهِ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٥﴾ سُبْحَانَ الَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ
 كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ وَمِنْ أَنْفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾

Maksud: *Dan dalil yang terang untuk mereka (memahami kekuasaan dan kemurahan kami), ialah bumi yang mati; kami hidupkan dia serta kami keluarkan daripadanya biji-bijian, maka daripada biji-bijian itu mereka makan. (33) Dan kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur, dan kami pancarkan padanya beberapa matair, (34) Supaya mereka makan dari buah-buahannya dan dari apa yang dikerjakan oleh tangan mereka; maka patutkah mereka tidak bersyukur? (35) Maha Suci Tuhan yang menciptakan*

makhluk semuanya berpasangan; sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi, atau dari diri mereka, ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya. (36)

(Surah Yasin, 36: 33-36)

Lalu Allah SWT mengaitkan hujan tersebut dan kesuburan tanah untuk membolehkan haiwan ternakan hidup. Firman-Nya:

وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ

Maksud: Serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang.

(Surah al-Baqarah, 2: 164)

Haiwan ini dengan berbagai macam bentuk, warna, kegunaan, kecil, dan besar-nya. Dia Maha Mengetahui semuanya itu dan Dia memberinya rezeki, tiada sesuatu pun yang samar bagi-Nya dari hal itu, seperti mana yang disebutkan oleh firman Allah SWT:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا
كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٦﴾

Maksud: Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan). (6).

(Surah Hud, 11: 6)

Selepas itu Allah SWT berfirman:

وَتَصْرِيفِ الرِّيحِ

Maksud: Demikian juga (pada) peredaran angin.

(Surah al-Baqarah, 2: 164)

Iaitu adakalanya datang membawa rahmat, dan adakalanya datang membawa bencana. Adakalanya angin datang membawa tanda yang menggembirakan, iaitu awan yang mengandungi hujan; adakalanya angin menggiringnya dan menghimpunkannya; dan adakalanya mencerai-beraikannya, lalu mengusirnya. Kemudian adakalanya ia datang dari arah selatan yang dikenal dengan angin syamiah, adakalanya datang dari arah negeri Yaman, dan adakalanya bertiup dari arah timur yang menerpa bahagian muka Kaabah, kemudian adakalanya ia bertiup dari arah barat yang menerpa dari arah bahagian belakang Kaabah. Memang ada sebagian orang yang menulis tentang angin, hujan, dan bintang-bintang ke dalam banyak karya tulis, yang pembahasannya memerlukan keterangan yang panjang bila dikemukakan di sini. Selepas itu, Allah SWT berfirman:

وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

Maksud: *Dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi.*

(Surah al-Baqarah, 2: 164)

Iaitu bergerak antara langit dan bumi, ditundukkan menuju tempat-tempat yang dikehendaki oleh Allah dan dipalingkan menurut apa yang dikehendaki-Nya. Akhir sekali, Allah SWT berfirman:

لَايَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾

Maksud: *Sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran. (164)*

(Surah al-Baqarah, 2: 164)

Iaitu dalam kesemuanya itu benar-benar terdapat tanda yang jelas menunjukkan keesaan Allah SWT dan kebesaran kekuasaan-Nya. Seperti yang disebutkan dalam ayat lainnya, iaitu firman Allah SWT:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ
 ﴿١٩٠﴾ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ
 السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

Maksud: *Sesungguhnya Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang yang berakal; (190) (Iaitu) orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata), "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka. (191)*

(Surah Ali 'Imran, 3: 190-191)

Begitu juga apa yang dijelaskan dalam hadis ini (Ahmad, 2001: 2166):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنه، قَالَ: «قَالَتْ قُرَيْشٌ لِلنَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم: «ادْعُ لَنَا رَبَّكَ أَنْ يَجْعَلَ لَنَا الصِّفَا ذَهَبًا، وَنُؤْمِنُ بِكَ.» قَالَ: «وَتَفْعَلُونَ؟» قَالُوا: «نَعَمْ.» قَالَ: «فَدَعَا.» فَأَتَاهُ جِبْرِيلُ فَقَالَ: «إِنَّ رَبَّكَ يَقْرَأُ عَلَيْكَ السَّلَامَ، وَيَقُولُ: «إِنَّ شِئْتَ أَصْبَحَ لَهُمُ الصِّفَا ذَهَبًا،

فَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ مِنْهُمْ عَذَّبْنَاهُ عَذَابًا لَا أُعَذِّبُهُ أَحَدًا مِنَ الْعَالَمِينَ، وَإِنْ شِئْتَ
فَتَحْتُ لَهُمْ بَابَ التَّوْبَةِ وَالرَّحْمَةَ. قَالَ: «بَلْ بَابُ التَّوْبَةِ وَالرَّحْمَةِ.»

Maksud: *Ibnu Abbas menceritakan, "Orang Quraisy datang kepada Nabi SAW, lalu mereka berkata, "Hai Muhammad, sesungguhnya kami menginginkan kamu mendoakan kepada Tuhanmu agar Dia menjadikan Bukit Safa ini emas buat kami. dan kami akan beriman kepadamu." Nabi SAW menjawab, "Dan kamu benar-benar melakukannya (beriman kepadanya). Kaum Quraisy berkata, "Ya." Ibn 'Abbas berkata, "Lalu Nabi SAW berdoa." Kemudian datang Jibril dan berkata, "Sesungguhnya Tuhanmu mengirimkan salam kepadamu dan berfirman, "Sekiranya engkau kehendaki Aku boleh menjadikan bukit safu itu emas, tetapi sesiapa yang kufur selepas itu, maka Aku akan azabnya dengan sautu azab yang tidak pernah ditimpakan kepada sesiapa di dunia ini. Namun jika engkau ingin, Aku boleh bukakan kepada mereka pintu taubat dan pintu rahmat." Lalu baginda SAW bersabda, "Bahkan aku memilih pintu taubat dan rahmat."*

(Ahmad)

Ibnu Ibn Abi Hatim (1998: 1465) meriwayatkannya pula dari jalur lain melalui Ja'far ibnu Abu al-Mugirah dengan lafaz yang sama. Ia menambahkan di akhirnya:

وَكَيْفَ يَسْأَلُونَكَ عَنِ الصِّفَا وَهُمْ يَرَوْنَ مِنَ الْآيَاتِ مَا هُوَ أَعْظَمُ مِنَ الصِّفَا.

Maksud: *(Malaikat Jibril berkata), "Mengapa mereka meminta kepadamu Bukit Safa (agar dijadikan emas), padahal mereka melihat tanda kekuasaan Allah yang lebih besar daripada Bukit Safa itu?"*

(Ibn Abi Hatim)

'Ata' yang menceritakan bahawa diturunkan ayat berikut kepada Nabi SAW ketika di Madinah, iaitu firman Allah SWT yang bermaksud, "Dan Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa; tiada Tuhan (Yang berhak disembah) selain dari Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani." (163) (Surah *al-Baqarah*, 2: 163) Maka orang kafir Quraisy di Mekah berkata, "Bagaimanakah dapat memenuhi manusia semuanya hanya dengan satu Tuhan?" Lalu Allah SWT menurunkan firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan..." hingga firman-Nya yang bermaksud, "bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran." (164) (Surah *al-Baqarah*, 2: 164) Dengan demikian, maka mereka mengetahui bahawa Tuhan adalah Yang Maha Esa, dan Dia adalah Tuhan segala sesuatu serta Yang Menciptakan segala sesuatu.

Abu al-Duha berkata bahawa ketika firman Allah SWT yang bermaksud, "Dan Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa..." (Surah *al-Baqarah*, 2: 163), hingga akhir ayat. Maka orang musyrik berkata, "Sekiranya demikian, hendaklah dia (Nabi SAW) mendatangkan kepada kami suatu tanda (bukti)." Lalu Allah SWT menurunkan firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan..." hingga firman-Nya yang bermaksud, "bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran." (164) (Surah *al-Baqarah*, 2: 164).

Surah al-Baqarah (2: 165-167)

Selepas Allah SWT menyingkap kekuasaannya, Allah SWT menceritakan kisah orang kafir yang menyembah berhala ketika mereka di dunia dan keadaan mereka di alam akhirat. Firman-Nya:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَتَّخِذُ مِن دُونِ اللَّهِ أَنَدَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذْ يَرُونَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَذَابِ ﴿١٦٥﴾ إِذْ تَبَرَّأَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا مِنَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا وَرَأَوْا الْعَذَابَ وَتَقَطَّعَتْ بِهِمُ الْأَسْبَابُ ﴿١٦٦﴾ وَقَالَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا لَوْ أَنَّا لَنَا كَرَّةٌ فَنَتَبَرَّأَ مِنْهُمْ كَمَا تَبَرَّءُوا مِنَّا كَذَلِكَ يُرِيهِمُ اللَّهُ أَعْمَالَهُمْ حَسَرَاتٍ عَلَيْهِمْ وَمَا هُمْ بِخَارِجِينَ مِنَ النَّارِ ﴿١٦٧﴾

Maksud: (Walaupun demikian), ada juga antara manusia yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu (Allah), mereka mencintainya (memuja dan mentaatinya) sebagaimana mereka mencintai Allah; sedang orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah. Dan kalaulah orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah, dan bahawa sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya, (nescaya mereka tidak melakukan kezaliman itu). (165) (Iaitu) ketika ketua yang menjadi ikutan itu berlepas diri dari orang yang mengikutnya, sedang kedua-dua pihak melihat betapa ngerinya azab seksa itu, dan (ketika) terputusnya segala hubungan antara mereka. (166) Dan (pada masa yang mengecewakan itu) berkatalah orang yang menjadi pengikut: Alangkah eloknya kalau kami (dengan itu dapat kami berlepas diri daripada mereka sebagaimana mereka berlepas diri daripada kami (pada saat ini)!" Demikianlah Allah perlihatkan kepada mereka amal mereka (dengan rupa yang mendatangkan) penyesalan yang amat sangat kepada mereka, dan mereka pula tidak akan dapat keluar dari neraka. (167)

(Surah al-Baqarah, 2: 165-167)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1998: 1/346) Allah menyebutkan keadaan kaum musyrik dalam kehidupan di dunia dan apa yang bakal mereka peroleh di negeri akhirat, disebabkan mereka menjadikan tandingan dan saingan serta sekutu yang mereka sembah bersama Allah SWT, dan mereka mencintai tandingan itu sebagaimana mereka mencintai Allah SWT. Padahal kenyataannya Allah SWT adalah Tuhan yang tiada yang wajib disembah selain Dia. Tiada lawan, tiada tandingan, dan tiada sekutu bagi-Nya. Perbuatan ini di sisi Allah SWT dan Islam merupakan satu dosa yang sangat besar. Kenyataan ini sebagaimana yang dijelaskan oleh hadis (Al-Bukhari, 2001: 7520; Muslim, t.th.: 86):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَيُّ الذَّنْبِ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ؟» قَالَ: «أَنْ تَجْعَلَ لِلَّهِ نِدًّا وَهُوَ خَلْقَكَ.» قَالَ: «قُلْتُ لَهُ: «إِنَّ ذَلِكَ لَعَظِيمٌ.» قَالَ: «قُلْتُ: «ثُمَّ

أَيُّ؟ قَالَ: «ثُمَّ أَنْ تَقْتُلَ وَلَدَكَ مَخَافَةَ أَنْ يَطْعَمَ مَعَكَ.» قَالَ: «قُلْتُ: ثُمَّ أَيُّ؟» قَالَ: «ثُمَّ أَنْ تُزَانِيَ حَلِيلَةَ جَارِكَ.»

Maksud: 'Abdullah berkata, "Aku bertanya kepada Rasulullah SAW, "Apakah dosa yang paling besar di sisi Allah?" Rasulullah SAW menjawab, "Bila kamu menjadikan tandingan bagi Allah, padahal Dialah yang menciptakan kamu." 'Abdullah berkata, "Aku bertanya lagi, "Kemudian apa?" Baginda SAW menjawab, "Kamu bunuh anakmu kerana takut di makan bersamamu." 'Abdullah berkata, "Aku bertanya lagi, "Kemudian apa?" Baginda SAW menjawab, "Kemudian dosa yang paling besar ialah kamu berzina dengan isteri jiranmu."

(Al-Bukhari dan Muslim)

Seterusnya, firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ آمَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ

Maksud: *Sedang orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah.*

(Surah al-Baqarah, 2: 165)

Hal demikian itu terjadi kerana mereka cinta kepada Allah, makrifat kepada-Nya, mengagungkan-Nya, serta mengesakan-Nya; dan mereka sama sekali tidak mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun, melainkan hanya menyembah-Nya semata-mata dan bertawakal kepada-Nya serta kembali kepada-Nya dalam semua urusan mereka.

Kemudian Allah SWT mengancam orang yang mempersekutukan diri-Nya, yang berbuat aniaya terhadap diri mereka sendiri dengan gambaran kedudukan mereka di alam akhirat. Untuk itu Allah SWT berfirman:

وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذْ يَرُونَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا

Maksud: *Dan kalaulah orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah*

(Surah al-Baqarah, 2: 165)

Sebagian Mufassirin mengatakan bahawa makna ayat ini ialah, "Seandainya mereka melihat dengan mata kepala mereka sendiri siksaan tersebut, nescaya mereka mengetahui saat itu bahawa kekuatan itu kepunyaan Allah SWT semuanya." Dengan kata lain, hanya Dia semata-mata yang berhak menghukumi, tiada sekutu baginya; dan bahawa segala sesuatu itu berada di bawah keperkasaan-Nya, kekuatan-Nya, dan kekuasaan-Nya. dan bahawa Allah amat berat siksaan-Nya. Seperti yang diungkapkan oleh Allah SWT dalam ayat lain, melalui firman-Nya:

فَيَوْمَئِذٍ لَا يُعَذِّبُ عَذَابُهُ أَحَدٌ ۗ وَلَا يُوثِقُ وَثَاقُهُ أَحَدٌ ۗ

Maka pada hari itu tiada sesiapaupun yang dapat menyiksa seperti azab (yang ditimpakan oleh) Allah. (25) Dan tiada sesiapaupun yang dapat mengikat serta membelenggu seperti ikatan dan belenggu-Nya. (26)

(Surah *al-Fajr*, 89: 25-26)

Allah SWT berfirman, “Seandainya mereka mengetahui apa yang bakal mereka alami di akhirat nanti dan mengetahui apa yang bakal menimpa mereka, iaitu siksaan yang mengerikan lagi sangat besar kerana perbuatan syirik dan keingkaran mereka, nescaya mereka akan bertaubat dari kesesatan mereka.”

Kemudian Allah SWT memberitahukan perihal protes berhala sesembahan mereka terhadap diri mereka dan orang yang diikuti berlepas diri dari perbuatan yang dilakukan oleh para pengikutnya. Untuk itu Allah SWT berfirman:

إِذْ تَبَرَّأَ الَّذِينَ اتُّبِعُوا مِنَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا

Maksud: *(Iaitu) ketika ketua yang menjadi ikutan itu berlepas diri dari orang yang mengikutnya.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 166)

Iaitu para malaikat yang mereka jadikan sebagai sesembahan mereka ketika di dunia berlepas diri dari perbuatan mereka, dan para malaikat mengatakan seperti yang disebutkan oleh firman Allah SWT:

تَبَرَّأْنَا إِلَيْكَ مَا كَانُوا إِيَّانَا يَعْبُدُونَ ﴿٦٣﴾

Maksud: *(Dengan ini) kami mengakui kepada-Mu bahawa kami berlepas diri (dari kekufuran mereka). Bukanlah Kami yang mereka puja dan taati, (bahkan mereka hanya memuja dan mentaati hawa nafsu mereka sendiri)". (63)*

(Surah *al-Qasas*, 28: 63)

Mereka mengatakan pula seperti yang disebutkan di dalam firman Allah SWT:

قَالُوا سُبْحَانَكَ أَنْتَ وَلِيِّنَا مِنْ دُونِهِمْ بَلْ كَانُوا يَعْبُدُونَ الْجِنَّ أَكْثَرُهُمْ بِهِمْ
مُؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾

Maksud: *Malaikat menjawab, “Maha Suci Engkau (dari adanya sebarang sekutu dengan-Mu). Engkaulah (yang kami hubungi sebagai Pemimpin dan) Pelindung kami bukan mereka. (Tidak ada hubungan dari pihak kami dengan mereka mengenai penyembahan mereka kepada kami), bahkan mereka adalah menyembah Jin Syaitan; kebanyakan mereka pula percaya kepada Jin Syaitan itu (sebagai sekutu Tuhan yang dipuja dan dipatuhi).” (41)*

(Surah *Saba*, 34: 41)

Jin pun berlepas diri dari perbuatan mereka serta memprotes penyembahan orang musyrik terhadap diri mereka, seperti yang disebutkan di dalam firman Allah SWT:

وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّن يَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَن لَّا يَسْتَجِيبُ لَهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَهُمْ عَنِ
دُعَائِهِمْ غَافِلُونَ ﴿٥﴾ وَإِذَا حُشِرَ النَّاسُ كَانُوا لَهُمْ أَعْدَاءً وَكَانُوا بِعِبَادَتِهِمْ كَافِرِينَ ﴿٦﴾

Maksud: *Dan tidak ada yang lebih sesat daripada orang yang menyembah sesuatu yang lain dari Allah, yang tidak dapat menyahut atau memberikan sebarang pertolongan kepadanya (dari dunia) binggalah ke hari kiamat, sedang makhluk yang mereka sembah itu tidak dapat menyedari atau memberi layanan baik kepada permohonan mereka. (5) Dan apabila manusia dihimpunkan (untuk dihitung amalannya pada hari akhirat), menjadilah segala yang disembah itu musuh kepada orang yang menyembahnya, dan segala yang disembah itu juga tidak mengakui serta mendustakan penyembahan mereka kepadanya. (6)*

(Surah al-Ahqaf, 46: 5-6)

Kemudian dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman:

وَاتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ آلِهَةً لِّيَكُونُوا لَهُمْ عِزًّا ﴿٨١﴾ كَلَّا سَيَكْفُرُونَ بِعِبَادَتِهِمْ
وَيَكُونُونَ عَلَيْهِمْ ضِدًّا ﴿٨٢﴾

Maksud: *Dan mereka yang kafir menyembah benda yang lain dari Allah sebagai tuhan, supaya benda yang mereka sembah itu menjadi penolong yang memberi kemuliaan dan pengaruh kepada mereka. (81) Tidak sekali-kali! Bahkan benda yang mereka pertuhankan itu mengingkari perbuatan mereka menyembahnya, dan akan menjadi musuh yang membawa kehinaan kepada mereka. (82)*

(Surah Maryam, 19: 81-82)

Nabi Ibrahim al-Khalil pernah berkata kepada kaumnya yang dipetik oleh firman Allah SWT:

وَقَالَ إِنَّمَا اتَّخَذْتُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَوْثَانًا مَّوَدَّةَ بَيْنِكُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ثُمَّ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكْفُرُ بَعْضُكُم بِبَعْضٍ وَيَلْعَنُ بَعْضُكُمْ بَعْضًا وَمَأْوَاكُمُ
النَّارُ وَمَا لَكُمْ مِنْ نَّاصِرِينَ ﴿٣٥﴾

Maksud: *Dan Nabi Ibrahim berkata pula (kepada kaumnya): "Perbuatan kamu menyembah berbagai berhala, tidak menyembah Allah itu, hanyalah kerana menjaga hubungan kasih mesra antara kamu masing-masing dalam kehidupan dunia ini; kemudian pada hari kiamat kelak setengah kamu akan membantah setengahnya yang lain, dan setengah*

kamu pula akan melaknatkan setengahnya yang lain; dan (kesudahannya) tempat kembali kamu ialah neraka, dan kamu tidak akan beroleh sesiapaupun yang dapat memberikan pertolongan.” (25)

(Surah al-'Ankabut, 29: 25)

Dan Allah SWT berfirman:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَنْ نُؤْمِنَ بِهَذَا الْقُرْآنِ وَلَا بِالَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَلَوْ تَرَى
إِذِ الظَّالِمُونَ مَوْقُوفُونَ عِنْدَ رَبِّهِمْ يَرْجِعُ بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ الْقَوْلَ يَقُولُ
الَّذِينَ اسْتُضِعِفُوا لِلَّذِينَ اسْتَكْبَرُوا لَوْلَا أَنْتُمْ لَكُنَّا مُؤْمِنِينَ ﴿٣١﴾ قَالَ الَّذِينَ
اسْتَكْبَرُوا لِلَّذِينَ اسْتُضِعِفُوا أَنَحْنُ صَدَدْنَاكُمْ عَنِ الْهُدَىٰ بَعْدَ إِذْ جَاءَكُمْ بَلْ كُنْتُمْ
مُجْرِمِينَ ﴿٣٢﴾ وَقَالَ الَّذِينَ اسْتُضِعِفُوا لِلَّذِينَ اسْتَكْبَرُوا بَلْ مَكْرٌ آلِيلٍ وَالنَّهَارِ إِذْ
تَأْمُرُونَنَا أَنْ نَكْفُرَ بِاللَّهِ وَنَجْعَلَ لَهُؤُنَا آندَادًا وَأَسْرُوا النَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُا الْعَذَابَ
وَجَعَلْنَا الْأَغْلَالَ فِي أَعْنَاقِ الَّذِينَ كَفَرُوا هَلْ يُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٣٣﴾

Maksud: Dan orang yang kafir berkata, “Kami tidak akan beriman sama sekali kepada al-Quran ini dan tidak juga kepada kitab agama yang terdahulu daripadanya.” Dan (sungguh ngeri) kalau engkau melihat ketika orang yang zalim itu dibawa berdiri di hadapan Tuhan mereka (untuk dihisab), masing-masing tuduh menuduh antara satu dengan yang lain. orang yang tertindas berkata kepada orang yang sombong takbur (yang menjadi ketuanya), “Kalaulah tidak kerana kamu (menindas dan memperdayakan kami), tentulah kami sudah menjadi orang yang beriman”. (31) orang yang sombong takbur itu menjawab kepada orang yang tertindas: Kamikah yang menghalang kamu daripada menerima hidayah petunjuk sesudah ia datang kepada kamu? (Bukan kami yang menghalang) bahkan kamulah yang menyebabkan diri sendiri menjadi orang yang berdosa”. (32) Dan berkata pula orang yang tertindas kepada orang yang sombong takbur itu: "Tidak! Bahkan (yang menghalang kami daripada beriman ialah) perbuatan kamu memperdaya kami malam dan siang, ketika kamu menyuruh kami berlaku kufur kepada Allah dan mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya. Akhirnya masing-masing diam sambil memendamkan perasaan sesal dan kecewa semasa mereka melihat azab; dan Kami pasangkan belunggu pada leher orang yang kafir itu. Mereka tidak dibalas melainkan dengan apa yang mereka kerjakan. (33)

(Surah Saba', 34: 31-33)

Seterusnya, Allah SWT juga berfirman:

وَقَالَ الشَّيْطَانُ لَمَّا قُضِيَ الْأَمْرُ إِنَّ اللَّهَ وَعَدَكُمْ وَعَدَ الْحَقِّ وَوَعَدْتُكُمْ
فَأَخْلَفْتُكُمْ وَمَا كَانَ لِي عَلَيْكُمْ مِنْ سُلْطَانٍ إِلَّا أَنْ دَعَوْتُكُمْ

فَأَسْتَجِبْتُمْ لِي فَلَا تُلْمُونِي وَلَوْلَا أَنفُسُكُمْ مَا أَنَا بِمُصْرِخِكُمْ وَمَا أَنتُمْ بِمُصْرِخِي إِنِّي كَفَرْتُ بِمَا أَشْرَكْتُمُونِ مِنْ قَبْلُ إِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٢﴾

Maksud: Dan berkatalah pula Syaitan setelah selesai perkara itu: "Sesungguhnya Allah menjanjikan kamu dengan janji yang benar dan aku menjanjikan kamu lalu aku mungkir janji itu kepada kamu; dan tiadalah bagiku sebarang alasan dan kuasa mempengaruhi kamu selain daripada aku mengajak kamu lalu kamu terburu-buru menurut ajakanku itu; maka janganlah kamu salahkan daku tetapi salahkan diri kamu sendiri. Aku tidak dapat menyelamatkan kamu dan kamu juga tidak dapat menyelamatkan daku. Sesungguhnya dari dahulu lagi aku kufur ingkarkan (perintah Tuhan) yang kamu sekutukan daku dengan-Nya". Sesungguhnya orang yang zalim (yang meletakkan sesuatu pada bukan tempatnya) beroleh azab yang tidak terperi sakitnya. (22)

(Surah Ibrahim, 14: 22)

Adapun firman Allah SWT:

وَرَأَوْا الْعَذَابَ وَتَقَطَّعَتْ بِهِمُ الْأَسْبَابُ ﴿١٦٦﴾

Maksud: sedang kedua-dua pihak melihat betapa ngerinya azab seksa itu, dan (ketika) terputusnya segala hubungan antara mereka. (166)

(Surah al-Baqarah, 2: 166)

Yakni mereka melihat azab Allah dan terputuslah semua jalan untuk selamat, serta mereka tidak menjumpai suatu jalan keluar pun yang dapat menghindarkan dan memalingkan mereka dari neraka.

'Ata' meriwayatkan dari Ibnu Abbas berhubung dengan maksud firman Allah SWT yang bermaksud, "Dan (ketika) terputusnya segala hubungan antara mereka." (166) (Surah al-Baqarah, 2: 166) Yang dimaksud dengan asbab ialah hubungan intim dan kasih sayang. Kemudian Allah SWT berfirman:

وَقَالَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا لَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَتَبَرَّأَ مِنْهُمْ كَمَا تَبَرَّءُوا مِنَّا ﴿١٦٧﴾

Maksud: Dan (pada masa yang mengecewakan itu) berkatalah orang yang menjadi pengikut: Alangkah eloknya kalau kami (dengan itu dapat kami berlepas diri daripada mereka sebagaimana mereka berlepas diri daripada kami (pada saat ini)!"

(Surah al-Baqarah, 2: 167)

Iaitu seandainya kami dapat kembali lagi ke kehidupan di dunia, pastilah kami akan berlepas diri dari mereka dan tidak akan menyembah mereka dan kami tidak akan menoleh mereka barang sedikit pun, melainkan kami akan mengesakan Allah dengan menyembah-Nya semata. Akan tetapi, sebenarnya mereka berdusta dalam pengakuannya itu; dan

bahkan seandainya mereka dikembalikan lagi ke dunia, nescaya mereka akan kembali melakukan hal yang dilarang mereka melakukannya, kerana sesungguhnya mereka itu benar-benar berdusta, seperti yang diberitakan oleh Allah SWT tentang kedustaan mereka dalam hal ini. Kerana itulah dalam firman selanjutnya disebutkan:

كَذَلِكَ يُرِيهِمُ اللَّهُ أَعْمَالَهُمْ حَسَرَاتٍ عَلَيْهِمْ

Maksud: Demikianlah Allah perlihatkan kepada mereka amal mereka (dengan rupa yang mendatangkan) penyesalan yang amat sangat kepada mereka.

(Surah al-Baqarah, 2: 167)

Yakni amalan mereka lenyap dan hilang, Sebagaimana yang diungkapkan Allah dalam ayat yang lain, iaitu firman Allah SWT:

وَقَدْ مَنَّآ إِلَىٰ مَا عَمِلُوا مِنَّ عَمَلٍ فُجِعْنَا لَهُ مَبَاءَ مَمْتُورًا

Maksud: Dan Kami tujukan perbincaraan kepada apa yang mereka kerjakan dari jenis amal (yang mereka pandang baik), lalu Kami jadikan dia terbuang sebagai debu yang berterbangan. (23).

(Surah al-Furqan, 25: 23)

Amalan mereka seperti debu yang berterbangan juga digambarkan dalam ayat yang lain:

مَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ أَعْمَالُهُمْ كَرَمَادٍ اشْتَدَّتْ بِهِ الرِّيحُ فِي يَوْمٍ عَاصِفٍ لَا يَقْدِرُونَ مِمَّا كَسَبُوا عَلَىٰ شَيْءٍ ذَلِكَ هُوَ الضَّلَالُ الْبَعِيدُ

Maksud: Bandingan (segala kebaikan amal dan usaha) orang yang kufur ingkar terhadap Tuhannya ialah seperti abu yang diterbangkan angin pada hari ribut yang kencang; mereka tidak memperoleh sesuatu faedah pun dari apa yang mereka usahakan itu. Sia-sianya amalan itu ialah kesan kesesatan yang jauh dari dasar kebenaran. (18)

(Surah Ibrahim, 14: 18)

Amalan orang kafir di akhirat juga digambarkan seperti fatamorgana di padang pasir yang menipu pengembara. Begitu juga orang kafir tertipu dengan amalan mereka sendiri. Firman Allah SWT tentangnya:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَالُهُمْ كَسَرَابٍ بِقِيَعَةٍ يَحْسَبُهُ الظَّمْآنُ مَاءً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُ لَمْ يَجِدْهُ شَيْئًا وَوَجَدَ اللَّهَ عِنْدَهُ فَوَفَّاهُ حِسَابَهُ وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksud: *Dan orang yang kafir pula, amal-amal mereka adalah umpama riak sinaran panas di tanah rata yang disangkanya air oleh orang yang dahaga, (lalu ia menuju ke arahnya) sehingga apabila ia datang ke tempat itu, tidak didapati sesuatu pun yang disangkanya itu; (demikianlah keadaan orang kafir, tidak mendapat faedah dari amalnya sebagaimana yang disangkanya) dan ia tetap mendapati hukum Allah di sisi amalnya, lalu Allah meyempurnakan hitungan amalnya (serta membalasnya); dan (ingatlah) Allah Amat segera hitungan hisab-Nya. (39)*

(Surah *al-Nur*, 24: 39)

Kerana itulah maka dalam akhir ayat disebutkan:

وَمَا هُمْ بِخَارِجِينَ مِنَ النَّارِ ﴿١٦٧﴾

Maksud: *Ddan mereka pula tidak akan dapat keluar dari neraka. (167)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 167)

Ayat ini merupakan penutup kepada kesengsaraan yang sebenar orang kafir, iaitu mereka terseksa dalam neraka buat selama-lamanya tanpa dapat lari dan keluar daripadanya.

PENGAJARAN AYAT

Berdasarkan perbincangan tafsiran ayat terdapat lima pengajaran yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran ayat, iaitu sifat Allah SWT, Tuhan kepada manusia dan *Ism Allah al-A'zam*; kekuasaan Allah SWT tergambar melalui ciptaan-Nya; kekuasaan Allah SWT boleh dibuktikan melalui mukjizat para nabi; keadaan penyembah berhala di dunia dan akhirat; dan tiga jenis dosa yang sangat besar di sisi Allah SWT.

Sifat Allah SWT, Tuhan kepada Manusia dan *Ism Allah al-A'zam*

Umat manusia dan umat Islam perlu mengetahui dan memahami bahawa Allah SWT menegaskan tentang dirinya dengan ciri diri-Nya seperti berikut (Surah *al-Baqarah*, 2: 163):

- (1) Maha Esa dan semua makhluk bergantung kepada-Nya sebaliknya Dia tidak bergantung kepada para makhluk-Nya (Ibn al-Kathir, 1998: 1/344).
- (2) Hanya Allah SWT yang layak disembah.
- (3) Allah tidak ada sebarang sekutu lagi tidak ada yang boleh menandingi-Nya (Ibn al-Kathir, 1998: 1/344)
- (4) Maha Pemurah.
- (5) Maha Mengasihani.

Selain itu, ayat surah *al-Baqarah* (2: 163) ini dikenali sebagai *Ism Allah al-A'zam*, iaitu nama Allah SWT yang Maha Agung. Menggunakan *Ism Allah al-A'zam* ini ketika hendak berdoa, maka doa yang dipinta akan mudah dikabulkan oleh Allah SWT (Abu Dawud, 2009: 1496; Al-Tirmidhi, 1998: 3478; Ibn Majah, 2009: 3855).

Kekuasaan Allah Tergambar Melalui Ciptaan-Nya

Umat manusia dan umat Islam perlu mengetahui dan memahami serta berfikir secara mendalam dengan akal mereka bahawa penciptaan alam oleh Allah SWT adalah

merupakan gambaran kepada kekuasaan-Nya. Kekuasaan Allah SWT ini dapat dilihat dengan jelas pada (surah *al-Baqarah*, 2: 164):

- (1) Kejadian langit. Kejadian ini pula terkandung dalamnya (Ibn al-Kathir, 1998: 1/344):
 - (a) Kedudukan tinggi yang indah, dan luas tanpa tiang.
 - (b) Matahari, bulan, bintang dan planet yang tetap dan bergerak mengikut falaknya (Surah Yasin, 36: 40).
- (2) Kejadian bumi. Kejadian ini boleh dilihat dari segi:
 - (a) Dataran menjadi tempat tinggal yang selesa kepada makhluk.
 - (b) Terkandung gunung ganang dan bukit bukau yang indah serta tempat mengalirnya sungai ke muaranya.
 - (c) Lautan yang luas untuk menjadi punca makanan yang tidak pernah putus.
 - (d) Gurun sahara.
 - (e) Hutan belantara.
- (3) Kejadian malam dan siang silih berganti (Surah al Hajj, 22: 61; Luqman, 31: 29; Fathir, 35: 13; al-Hadid, 57: 6) untuk memudahkan manusia untuk bekerja dan berehat dengan ciri:
 - (a) Waktu yang tepat datang dan perginya (surah Yasin, 36: 40).
 - (b) Adakalanya waktu siang lebih panjang dan malam lebih pendek dan adakalanya sebaliknya pula (Ibn al-Kathir, 1998: 1/344).
- (4) Kejadian lautan untuk membolehkan:
 - (a) Kapal belayar membawa muatan yang besar dan banyak untuk tujuan pemindahan barang dengan cara yang murah antara negara dengan negara (surah *al-Baqarah*, 2: 164).
 - (b) Kos yang murah memudahkan kehidupan manusia dengan sangat banyak (Ibn al-Kathir, 1998: 1/344).
- (5) Kejadian hujan turun daripada langit yang berfungsi:
 - (a) Menyuburkan bumi yang mati dan kering untuk tumbuhan tumbuh dengan baik (surah *al-Baqarah*, 2: 164) sehingga daripadanya manusia mampu berkebun dengan kebun buah-buahan seperti anggur dan kurma dengan hasil kebun pula mampu dijadikan pekerjaan untuk belanja kehidupan (surah Yasin, 36: 34).
 - (b) Menumbuhkan makanan rugi yang menjadi makanan penduduk bumi (surah Yasin, 36: 33).
 - (c) Memancarkan mata air dan sungai (Surah Yasin, 36: 34) buat minuman manusia dan ternakan.
 - (d) Memberi minum dan makan kepada manusia dan haiwan ternakan.
- (6) Kejadian binatang buas dan binatang ternakan untuk manusia sebagai (Surah *al-Baqarah*, 2: 164) makanan dan Kenderaan dan binatang tunggangan dengan ciri:
 - (a) Pelbagai warna.
 - (b) Pelbagai bentuk dan saiz.
 - (c) Kejadian Makhluk yang berpasangan (surah Yasin, 36: 33-36):
 - (i) Pokok dan pasangannya mampu menghasikan hasil kebun yang baik.
 - (ii) Manusia boleh mengembangkan zuriat mereka.
 - (iii) Pelbagai makhluk lain yang manusia tidak ketahui untuk kepentingan kehidupan manusia.
 - (d) Sudah ditetapkan rezeki semua haiwan ini (surah *Hud*, 11: 6).
- (7) Kejadian angin dengan ciri (Surah *al-Baqarah*, 2: 164):
 - (a) Membawa rahmat.
 - (b) Membawa bala bencana.

- (c) Membawa berita mengembirakan dengan himpunan awan. Angin mampu menaikkan percikan air laut dan wap air untuk membentuk awan yang bergerak di langit yang akhir menurunkan hujan (Surah *al-Baqarah*, 2: 164).
- (d) Bertiup mengikut musim bagi memudahkan kapal belajar menggunakan layar yang sangat menjimatkan lagi bersih.

Hanya orang yang berakal sahaja yang dapat menanggapi bahawa segala kejadian ini melambangkan kewujudan Allah SWT dengan segala keagungannya (surah *al-Baqarah*, 2: 164; surah *Ali 'Imran*, 3: 190).

Kekuasaan Allah SWT Boleh Dibuktikan Melalui Mukjizat Para Nabi

Umat manusia dan umat Islam wajib mengetahui dan memahami bahawa kehebatan Allah SWT bukan sahaja ditunjukkan melalui penciptaan makhluk, tetapi juga boleh ditunjukkan melalui mukjizat para Nabi termasuk nabi Muhammad sebagai contoh:

- (1) Pihak Quraish meminta Rasulullah SAW menukarkan bukit Safa dan Marwah dijadikan emas sebagai syarat untuk mereka beriman. Wahyu turun menjelaskan boleh sahaja perkara tersebut berlaku di sisi Allah SWT, tetapi mereka diberi pilihan untuk menyaksikan mukjizat tersebut dan jika tidak beriman mereka akan disiksa dengan siksaan yang sangat berat atau Allah SWT membukakan pintu taubat dan pintu rahmat. Kata dua ini menyebabkan Rasulullah SAW memilih agar dibukakan pintu taubat dan rahmat (Ahmad, 2001: 2166).
- (2) Allah SWT juga menjelaskan bahawa permintaan orang Quraish untuk menukarkan bukit Safa dan Marwah kepada emas di sisi Allah SWT adalah sangat kecil (Ibn Abi Hatim, 1998: 1465) berbanding penciptaan makhluk dan alam yang diberitakan dalam surah *al-Baqarah*, (2: 163).

Bukti kekuasaan Allah SWT boleh dilihat kepada penciptaan alam atau melalui mukjizat para Nabi yang diturunkan bersama pengakuan mereka sebagai nabi Allah SWT. Sifat mukjizat merupakan sesuatu yang berlawanan dengan hukum tabie alam.

Keadaan Penyembah Berhala di Dunia dan Akhirat

Umat manusia khususnya penyembah berhala wajib mengetahui dan memahami keadaan mereka yang disifatkan oleh Allah SWT ketika mereka di dunia dan di akhirat. Keadaan mereka ketika di dunia dan akhirat dengan ciri berikut:

- (1) Di dunia:
 - (a) Allah SWT memuji kesungguhan ibadat orang kafir dalam memuja dan menyembah berhala dan menyintainya sebagaimana mereka juga menyintai Allah SWT sekalipun tidak boleh mengatasi kesungguhan pujaan dan penyembahan orang Islam terhadap Allah SWT.
 - (b) Namun, kesungguhan itu tidak memberi makna apa-apa kerana mereka menjadikan Allah SWT dengan mensyirikkan-Nya dengan sesuatu yang lain adalah sesuatu dosa yang sangat besar (Ibn al-Kathir, 1998: 1/346; Al-Bukhari, 2001: 7520; Muslim, t.th.: 86) kaedah penyembahan ini juga tidak berdasarkan kaedah dan sumber yang benar (surah *al-Baqarah*, 2: 165).
 - (c) Mereka juga meminta dan berdoa agar berhala mereka menjadi penolong agar diri mereka diberikan kemuliaan dan pengaruh (surah *Maryam*, 19: 81-82).

- (d) Sekiranya orang kafir mengetahui tentang azab yang pedih menunggu penyembah berhala di akhirat, mereka sama sekali tidak akan menyembah berhala (Surah *al-Baqarah*, 2: 165-167).
- (2) Di akhirat:
- (a) Penyembah berhala dan makhluk selain Allah SWT memaklumi dan mengakui kesilapan mereka menyembah berhala sebagai salah kerana berhala mereka tidak mempunyai sebarang kuasa. Kuasa sebenar hanya ada kepada Allah SWT (surah *al-Baqarah*, 2: 165) begitu juga dengan kuasa menyiksa adalah daripada-Nya sahaja dan tidak ada kaitan dengan berhala dan makhluk yang mereka sembah (Ibn al-Kathir, 1998: 1/346; surah *al-Fajr*, 89: 25-26).
 - (b) Penyembah berhala dan penyembah makhluk melihat sendiri betapa beratnya azab bagi penyembah berhala di akhirat (surah *al-Baqarah*, 2: 165).
 - (c) Syaitan, malaikat, batu berhala, dan ketua penyembah berhala meminta kepada Allah SWT untuk berlepas diri terhadap kesalahan penyembah berhala atau penyembah mereka (surah *al-Baqarah*, 2: 166):
 - (i) Para malaikat: Terdapat penyembah yang menyembah malaikat. Namun para malaikat ini sendiri meminta kepada Allah SWT untuk berlepas diri kerana mereka tidak pernah menyuruh untuk menyembah diri mereka. Sedangkan mereka sendiri adalah penyembah Allah SWT (surah *al-Qasas*, 28: 63). Hakikat sebenar mereka penyembah syaitan dan bukan penyembah malaikat (surah *Saba'*, 34: 41).
 - (ii) Para jin: Para jin juga mendustakan mereka penyembahan manusia kepada mereka dan melepaskan diri daripada penyembahan tersebut bahkan mereka dianggap musuh oleh golongan jin dan syaitan ini (surah *al-Ahqaf*, 46: 5-6; surah *Maryam*, 19: 81-82).
 - (iii) Berhala: Berhala sendiri mengingkari orang yang menyembahnya di dunia dan menganggap penyembah ini sebagai musuh (surah *Maryam*, 19: 81-82). Bahkan berhala tersebut melaknat perbuatan orang menyembahnya sebagaimana penyembah berhala tersebut melakna berhala mereka. Hal ini disebabkan oleh manusia yang membuat patung-patung daripada batu dan sebagainya yang menyebabkan batu berhala tersebut terkena tempias dicampakkan ke dalam api neraka. Akhirnya, kedua-dua penyembah dan yang disembah dicampakkan ke dalam api neraka (surah *al-'Ankabut*, 29: 25).
 - (iv) Ketua penyembah berhala dalam kalangan penyembah berhala: Ketua mereka ini diakhirat nanti akan membela diri mereka dan tidak mengaku merekalah yang mendorong pengikutnya daripada kesesatan penyembahan berhala. Namun pengikut mereka mendakwa, bahawa ketua merekalah yang menghalang mereka daripada beriman kepada agama Islam dan menghalak mereka untuk terus menyembah berhala. Akhirnya, kedua-dua ketua dan pengikut mereka dimasukkan ke dalam api neraka dengan keadaan dibelenggu (surah *Saba'*, 34: 31-33).
 - (v) Syaitan: Syaitan sendiri menafikan bahawa mereka bersalah menghasut manusia menyembah berhala. Syaitan menyatakan manusia sendiri yang mudah sangat terpengaruh dengan ajakannya. Oleh itu, kesalahan manusia tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada para syaitan. Hal ini kerana manusia sendiri sudah mengetahui bahawa syaitan itu adalah penderhaka kepada Allah SWT (surah *Ibrahim*, 14: 22).
 - (vi) Segala amalan kebaikan orang kafir di dunia yang pernah dilakukan akan binasa seperti debu yang berterbangan (surah *al-Furqan*, 25: 23; surah

Ibrahim, 14: 18), atau debu yang diterbangkan oleh angin (surah *Ibrahim*, 14: 18) atau seperti fatamogana (surah *al-Nur*, 24: 39) dan tidak dikira kerana mereka tergolong dalam golongan orang kafir disebabkan mereka menyembah berhala.

Penyembah berhala dan penyembah makhluk merasa sangat menyesal dan berharap untuk mereka dapat memisahkan diri mereka daripada berhala dan makhluk yang mereka sembah disebabkan berhala dan penyembah berhala tersebut tidak mahu bertanggungjawab terhadap kesalahan penyembahan berhala dan makhluk tersebut (Surah *al-Baqarah*, 2: 167).

Tiga Jenis Dosa yang Sangat Besar di Sisi Allah SWT

Umat manusia dan umat Islam perlu mengetahui, memahami, dan menjauhi dosa yang sangat besar di sisi Allah SWT dengan mengikut susunan yang tertinggi dalam dosa yang paling besar ini, iaitu (Al-Bukhari, 2001: 7520; Muslim, t.th.: 86):

- (1) Mensyrikkan Allah SWT dengan sesuatu yang lain.
- (2) Membunuh anak kerana tidak mahu berkongsi makanan dengan mereka.
- (3) Berzina dengan jiran tetangga.

Ketiga-tiga dosa ini dianggap dosa yang sangat besar dalam kalangan dosa yang besar disebabkan dalam dosa yang pertama bahawa secara hakikatnya hanya Allah SWT seorang yang berkuasa dan menciptakan makhluk dan manusia, tetapi manusia tersebut tidak berbakti kepada Allah SWT bahkan menyembah yang lain yang tidak sama sekali ada kaitan dengan penciptaannya bahkan tidak ada kuasa sama sekali.

Manakala dosa kedua dianggap sebagai dosa paling besar daripada kalangan dosa besar disebabkan bahawa setiap anak atau makhluk lain yang dilahirkan ke dunia sudah ditentukan rezeki mereka oleh Allah SWT sendiri tanpa mengusik rezeki ibu bapa yang sudah sedia hidup. Namun ibu bapa tersebut tidak menyedari bahawa rezeki yang mereka peroleh ketika kelahiran anak tersebut adalah hasil perkongsian antara mereka dan anak mereka. Dengan membunuh anak tersebut, melambangkan kejahatan perbuatan mereka dan kejahilan yang tidak ada bandingan untuk ibu bapa tersebut. Manakala berzina dengan jiran tetangga dianggap dosa yang sangat besar berbanding dengan dosa besar yang lain disebabkan, jiran tetangga merupakan golongan yang perlu untuk dibuat baik dan tidak melakukan kejahatan terhadap mereka. Melakukan kejahatan zina dengan jiran tetangga dianggap melakukan dua dosa yang sangat besar, iaitu memutuskan hubungan silatullah dan melakukan dosa besar dengan sesame jiran.

RUMUSAN

Artikel ini sudah berjaya mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 163-167) dan hasil daripada perbincangan tafsiran tersebut maka lima pengajaran ayat boleh diambil buat umat manusia dan umat Islam. Semoga perbincangan buku ini mampu memberikan sedikit pertunjuk buat umat manusia khususnya golongan kafir agar mereka dapat mengenal Allah SWT dan menyembah-Nya serta menjauhi amalan syirik yang sangat besar dosanya di sisi Allah SWT.

RUJUKAN

Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud* (Shu'aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali Ed. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

- Ahmad, Muhammad Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ayb al-Arna'ut & 'Adil Murshid Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulallah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. (1998). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar 'Awad Ma'ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. (1999). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. (1998). *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim* (As'ad Muhammad al-Tayyib Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. (1998). *Tafsir al-Quran al-A'zim (Tahqiq: Muhammad al-Husayn Shams al-Din)* (Vol. Juz. 1-4). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah Ed. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 1: Program Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah (1: 1-7)* (Vol. 1). Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.

BIODATA PENULIS

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti artikel, sumbangan bab dalam artikel, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah artikel karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM.

SURAT JEMPUTAN



Pusat Islam
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor, Malaysia

Tel: +(6)07-5537501/ 37508 Faks: +(6)07-5537532 <http://www.utm.my/islamic-centre> Emel: msi@utm.my

RUJUKAN KAMI : UTM.J.01.08/10.14/2 (8)

12 Mac 2019

RUJUKAN TUAN :


5 Rejab 1440H

Dr. Mohd Nasir bin Masroom
Dr. Naemah binti Hamzah
Ustaz Mahyudin bin Md. Sarip
Ustaz Mohamad Firdaus bin Pazim@Fadzim
Ustaz Panji Alam bin Mazhisham
Ustaz Mohd Yusoff bin Mohd Rawi
Ustaz Ibrahim Khalil bin Abdullah
Pusat Islam
UTM Johor Bahru

Prof. Madya. Dr. Jima'ain bin Safar
Prof. Maya. Dr. Ahmad Kilan@Ahmad Kilani bin Mohamed
Ptof. Madya Dr. Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad
Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi bin Jasmi
Dr. Nurazmallail bin Marni
Dr. Idris bin Ismail
Dr. Ahmad Marzuki bin Mohamed
Dr. Zulkiflee bin Haron
Akademi Tamadun Islam
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
UTM Johor Bahru

Dr. Aminudin bin Hehsan
Dr. Mohd Nasir bin Ripin
Centre of Research for Fiqh Science & Technology (CFIRST UTM)
UTM Johor Bahru

Ustaz Juhazreen bin Junaidi
Sekolah Pendidikan
UTM Johor Bahru



Saudara,

**PELANTIKAN SEBAGAI PEMBIMBING PROGRAM PEMBUDAYAAN AL-QURAN
PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Pendaftar Universiti Teknologi Malaysia telah bersetuju untuk melantik saudara sebagai pembimbing Program Membudayakan Al-Quran Peringkat Universiti Malaysia.


3. Pihak Universiti juga telah bersetuju melaksanakan Program Pembudayaan Al-Quran berpusat pada setiap hari Khamis, bermula jam 08:15 pagi hingga 9:15 pagi. Program ini akan dilaksanakan mengikut zon yang telah ditetapkan selaras dengan **Pekeliling Pentadbiran Bil. 13/2014**.

4. Bagi pihak Pusat Islam saya ingin mengucapkan tahniah di atas pelantikan saudara dan semoga saudara dapat memberikan kerjasama serta komitmen yang tinggi dalam menjayakan Program Membudayakan Al-Quran Peringkat Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih. *Wassalam*.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. MADYA. DR. AMINUDDIN BIN RUSKAM

Pengarah

Pusat Islam

Universiti Teknologi Malaysia

☎ 07-55 37500

✉ al-dawamy@utm.my